

DO VISITS AND DISCOURSES ENHANCE STUDENTS' LEARNING SKILLS? (ADAKAH LAWATAN DAN WACANA MENINGKATKAN KEMAHIRAN PEMBELAJARAN PELAJAR?)

Nureen Khairina Anuar¹, Norain Mod Asri^{1*}, Azrina Abdullah Al-Hadi¹

¹Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,

*Corresponding Author's Email: norain@ukm.edu.my

*Article History: Received: 04 August 2025, Revised: 23 December 2025, Accepted: 28 Demeber 2025,
Published: 31 December 2025*

ABSTRACT

Teaching and learning (T&L) methods should be diversified, including through the implementation of visit and discourse activities. Thus, the objective of this study is to analyse students' perceptions of the impact of visits and discourse on them. Therefore, questionnaires were distributed to students majoring in economics, business administration, accounting and entrepreneurship - fields that heavily rely on industry networking. Through the factor analysis conducted, four main findings were obtained. Firstly, students are more inclined to select courses or subjects that combine several teaching methods, including visits, discourses and lectures. Secondly, visits and discourses can improve students' understanding, motivation and academic performance. Thirdly, visits and discourse help students become more proficient communicators, particularly with people outside of the university. Fourthly, students' leadership levels are also improved through participation in visits and discourses with the industry. Therefore, the organisation of visits and discourses in courses taken by students needs to be encouraged and intensified to increase the employability of graduates.

Keywords: *teaching and learning; discourses; visits; factor analysis; university*

ABSTRAK

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) harus dipelbagaikan termasuklah menerusi penerapan aktiviti lawatan dan wacana. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap kesan lawatan dan wacana kepada mereka. Oleh itu, soal selidik telah diedarkan kepada pelajar dalam jurusan ekonomi, pentadbiran perniagaan, perakaunan dan keusahawanan yang merupakan bidang yang sangat memerlukan jaringan dengan pihak industri. Menerusi analisis faktor yang dilakukan, empat dapatan utama diperolehi. Pertama, pelajar lebih berminat memilih kursus atau subjek yang menggunakan gabungan pendekatan pembelajaran secara lawatan, wacana dan kuliah. Kedua, lawatan dan wacana dapat meningkatkan kefahaman, motivasi dan prestasi pelajar. Ketiga, kemahiran komunikasi pelajar terutama dengan pihak luar universiti semakin bertambah menerusi lawatan dan

This is an open access article under the [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/) licence



wacana yang disertai. Keempat, tahap kepimpinan pelajar juga bertambah melalui penyertaan dalam lawatan dan wacana dengan pihak industri. Rentetan itu, penganjuran lawatan dan wacana dalam kursus yang diambil oleh pelajar perlu digalak dan dipergiatkan lagi bagi menambah nilai kebolehpasaran graduan.

Kata kunci: Pengajaran dan pembelajaran; wacana; lawatan; analisis faktor; universiti

1.0 PENGENALAN

Ketidaksepadanan antara graduan dengan majikan telah menyebabkan graduan sukar untuk mencari kerja Berita Harian (2024) Hal ini berpunca daripada kurangnya pendedahan berkenaan kemahiran yang diperlukan dalam industri. Malah, (Maharam et al., 2019) menjelaskan terdapat banyak kekurangan dalam prestasi kerja sebenar para graduan berbanding dengan prestasi yang diharapkan oleh industri kerana kurangnya latihan kemahiran. Justeru, pelajar perlu lebih didedahkan dengan pihak industri supaya mereka mempelajari kemahiran yang majikan perlukan dan seterusnya ditawarkan pekerjaan. Ini bertepatan dengan dasar seperti Industry on Campus yang dapat merapatkan jurang antara permintaan industri dan sumber tenaga mahir di dalam negara Kementerian Pendidikan Tinggi (2023). Lantas, kaedah P&P mestilah berorientasikan industri, terutamanya bidang yang luas dan cepat berubah mengikut peredaran masa dan memerlukan kemahiran oleh majikan seperti bidang perniagaan, ekonomi dan perakaunan. (Yong Shin dan Mahzan, 2024) juga telah menunjukkan bahawa pembelajaran pelajar lebih kukuh dengan pendedahan terhadap aktiviti pembelajaran secara simulasi dan menyeluruh.

Namun, apa yang menyedihkan adalah pengajaran di dalam kelas dilihat masih berfokuskan kaedah tradisional iaitu dengan perkongsian melalui buku atau slaid sahaja walaupun terdapat cara yang lebih interaktif Berita Harian (2023). Dalam era digital kini, kaedah P&P berorientasi industri seperti wacana sepatutnya lebih mudah dan kerap dibuat tidak kira sama ada secara bersemuka atau secara atas asalkan wujudnya komunikasi dan perkongsian ilmu antara pihak industri, pelajar, pensyarah dan pihak universiti.

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap kesan pelaksanaan aktiviti lawatan dan wacana dalam P&P. Secara langsung, kajian ini penting bagi membolehkan pihak pengurusan universiti mengenalpasti bagaimana aktiviti berorientasikan industri seperti lawatan dan wacana dapat membantu melahirkan pelajar yang mampu memenuhi keperluan pihak industri, lantas ia dapat mengurangkan masalah ketidaksepadanan antara graduan dan pekerjaan. Hal ini seterusnya dapat membantu pihak pengurusan universiti memperuntukan belanjawan yang mencukupi dan menyediakan kemudahan yang sesuai terutama sekali yang berkaitan dengan kemudahan digital dan pengangkutan dalam melaksanakan program tersebut. Jika pihak universiti amat menggalakkan dasar P&P berorientasikan industri, maka sudah pasti pihak industri turut lebih berminat untuk terlibat sama dengan aktiviti lawatan dan wacana tersebut ke arah melahirkan pekerja potensi yang memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan pasaran. Perlu ditekankan di sini bahawa kelangsungan P&P yang berorientasikan industri sebenarnya amat bergantung kepada dasar yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan pengurusan universiti. Namun, apa yang paling utama adalah pelajar juga perlu memahami matlamat sebenar aktiviti berorientasikan industri ini diintegrasikan dalam proses P&P dan memberikan komitmen padu terhadap aktiviti tersebut. Selain itu, kajian ini penting kepada pensyarah agar mereka dapat memilih aktiviti yang sesuai untuk kursus yang mereka kendalikan ke arah mempelbagaikan dan meningkatkan kualiti P&P.

Selanjutnya, kajian ini memberikan sumbangan dari beberapa aspek. Pertama, kajian ini mengaplikasi analisis faktor di mana ia dapat mengenal pasti faktor yang menjadikan aktiviti lawatan dan wacana penting dalam P&P. Kedua, kajian ini menggunakan sampel pelajar dari bidang pentadbiran perniagaan, ekonomi, perakaunan dan keusahawanan yang merupakan bidang yang menuntut pelajar untuk memiliki kemahiran dan ilmu terkini yang diperlukan oleh pihak industri memandangkan industri ini sentiasa mengalami perubahan. Ketiga, kajian ini hanya memfokus kepada aktiviti lawatan dan wacana bersama pihak industri yang merupakan aktiviti berorientasikan industri yang paling mudah dilaksanakan bagi tujuan perkongsian ilmu terkini.

2.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian yang telah mengupas isu berkaitan lawatan dan wacana dala pengajaran dan pembelajaran.

2.1 Kesesuaian Lawatan Dan Wacana

Jaringan industri sebenarnya dapat merapatkan jurang antara industri dan universiti di mana ia akan membantu pelajar terdedah dengan penyelidikan yang dilakukan industri (Cornelia et al., 2021). Malah, jaringan yang wujud bersama industri akan membantu pelajar meningkatkan peluang pekerjaan mereka selepas tamatnya pengajian (Mousa et al., 2022).

2.2 Kesan Terhadap Tahap Kefahaman Pelajar

Saifudin (2018) menyatakan jaringan bersama industri dapat merapatkan jurang antara pengetahuan teori yang diperoleh di dalam kelas dengan dunia sebenar alam pekerjaan. Manakala Mohd (Zainudin, 2018) menegaskan lawatan lapangan ke industri meningkatkan pemahaman pelajar kerana mereka belajar dengan situasi sebenar.

2.3 Kesan Terhadap Tahap Minat Pelajar

Zuraidah dan Aimi (2023) serta (Amani dan Umi, 2020) menunjukkan pelaksanaan aktiviti di luar kelas dapat meningkatkan pengetahuan dan memberi pendedahan kepada pelajar. Djailan Mansur (2022) dan Georgina et al. (2018) juga menegaskan pembelajaran secara lawatan membolehkan pelajar menambah minat untuk belajar serta membantu mereka belajar suatu perkara dengan nyata. Tambahan lagi, Syazwani et al. (2019) mengatakan lawatan di luar kelas dapat menarik minat pelajar secara aktif dan akan menghubungkan secara positif antara subjek dengan minat menerusi lawatan yang dilaksanakan.

2.4 Kesan Terhadap Tahap Kemahiran Pelajar

Sebenarnya, antara kebaikan penglibatan industri dalam pembelajaran berasaskan kerja adalah peningkatan produktiviti, menangani jurang kemahiran serta peningkatan tenaga kerja dan kepuasan kerja (Syamhanim dan Mimi, 2017). Ini terkesan daripada penyediaan platform untuk mengembangkan kemahiran insaniah melalui jaringan bersama industri dapat menyediakan pelajar untuk tenaga kerja dan meningkatkan kebolehpasaran mereka (Siti dan Hartini, 2021). Dalam masa yang sama, pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dapat meningkatkan kemahiran dan kebolehan diri untuk menghadapi persaingan untuk mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian (Akmal et al., 2022).

2.5 Kesan Terhadap Kemahiran Komunikasi Pelajar

Talizaro (2018) dan Zainudin (2018) membuktikan bahawa lawatan di luar bilik darjah akan meningkatkan hubungan antara pensyarah dan pelajar. Ini dapat meningkatkan dan memperbaiki kemahiran komunikasi pelajar dalam pengalaman situasi sebenar (Lina et al., 2022; Nurulhidayah & Norasykin, 2020). Seterusnya, Edlira Menshki et al. (2020) dan Faridah et al. (2018) menjelaskan aktiviti luar dapat memberikan pengalaman tentang dunia sebenar semasa alam pekerjaan dan kesedaran kepada pelajar dengan kehidupan masyarakat. Namun, Hamidah et al. (2017) menegaskan pihak industri memerlukan graduan yang memiliki kemahiran komunikasi yang tinggi supaya dapat berfikir secara kritis serta menyampaikan idea yang bernas terhadap pelbagai isu.

2.6 Kesan Terhadap Tahap Motivasi Pelajar

Nadia Nisha et al. (2018) menegaskan bahawa lawatan berimpak memberi kesan terhadap motivasi pelajar melalui meningkatkan tahap keyakinan mereka. Pendekatan pembelajaran di luar kelas dapat mengasah aktiviti fizikal dan kreativiti pelajar dengan menggunakan strategi belajar sambil mempraktikkan tugasan (Budi Taqwan et al., 2019). Di samping itu, Nurulhuda et al. (2018)

menjelaskan program yang sebegini dapat menghasilkan pelajar yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

2.7 Kesan Terhadap Tahap Prestasi Pelajar

Ranita (2018) menegaskan wacana dapat menghasilkan pelajar yang cemerlang dari segi keperibadian yang seimbang dalam konteks intelektual, rohani, emosi dan jasmani. Hazwani dan Aishah (2018) juga menyokong bahawa wacana dapat membantu pelajar dari segi pengetahuan dan kemahiran. Malah, wacana yang dianjurkan memberi kesan positif terhadap pengetahuan pelajar (Norsayyidatina, 2023). Hal ini dapat ditunjukkan melalui keberkesanan program dalam menyampaikan topik pembelajaran. Menurut Nurul et al. (2023) pula, lawatan lapangan dapat menggalakkan pemikiran kritikal dan inkuiri pelajar.

2.8 Kesan Terhadap Kepimpinan Pelajar

Hamidah et al. (2017) mengatakan pihak industri memerlukan graduan yang mempunyai sifat kepimpinan seperti keyakinan diri yang tinggi dan kemahiran interpersonal. Dalam masa yang sama, Noraini et al. (2023) menyatakan kerja berpasukan dapat meningkatkan kemahiran kepimpinan seseorang serta meningkatkan keyakinan diri. Secara tidak langsung, aktiviti di luar kelas ini dapat memupuk semangat kerjasama yang tinggi.

2.9 Kesan Terhadap Hubungan Jaringan Bersama Industri

Menurut Noor Fadhilah (2022), aktiviti luar kuliah seperti *Work Based Learning* menjadikan pelajar lebih berkualiti dari segi aspek kreativiti, penyelesaian masalah dan profesionalisme. Selain memupuk pelajar untuk menjadi lebih berkualiti, Muzafar dan Nur Hidayah (2018) berpendapat pendedahan kepada industri membawa pelajar keluar daripada zon selesa dan merasai pengalaman bekerja sambil melihat pembaharuan dan pergerakan teknologi negara.

2.10 Kesan Terhadap Penyertaan Dan Penglibatan Pelajar

P&P yang mempunyai suasana yang sebenar berkenaan industri akan memudahkan pelajar untuk menyesuaikan diri untuk memasuki alam pekerjaan. Rozelia (2022) mengatakan aktiviti ini mempunyai kelainan dalam P&P dan ia selari dengan jiwa pelajar yang mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi terhadap sesuatu perkara dan memberi kesan terhadap penyertaan mereka. Selain itu, lawatan akademik dapat membantu memberikan pendedahan awal kepada pelajar terhadap pengetahuan praktikal sebelum mereka menempuh alam pekerjaan sebaik tamat pengajian (Nurhazwani, 2023). Walaubagaimanapun Thuraiya et al. (2018), Derar (2020) serta Vijaya dan Vishalache (2020) menyatakan bahawa aktiviti di luar kelas ini mempunyai kekurangan dari segi kemudahan yang disediakan oleh fakulti, kekurangan dana dan ketakselesaan pelajar terhadap suasana pembelajaran. Tetapi, pandangan ini disangkal oleh Auni dan Habibah (2018) yang menjelaskan melalui aktiviti seperti ini, pelajar mendapat ilmu pengetahuan dan pendedahan secara tidak langsung kepada perkara yang berkaitan terhadap subjek tersebut.

2.11 Kesan Terhadap Tahap Kepuasan Pelajar

Pihak industri berpuas hati dengan kemampuan adaptasi kepada situasi kerja yang tinggi oleh pelajar yang mempunyai kemahiran yang luas (Syarifah, 2019). Dalam masa yang sama, Hamidah et al. (2017) mendapati kelakuan, kemahiran dan cara komunikasi pelajar menjadi aset penting bagi kebolehpasaran graduan. Justeru, menerusi penglibatan aktif dalam aktiviti lawatan lapangan, pelajar lebih berasa puas kerana mereka lebih fokus, faham dan memperoleh banyak kaedah P&P. Malah, Nurul et al. (2023) menyokong lawatan lapangan secara fizikal ini kerana pelajar dapat mengumpul maklumat secara maksimum.

2.12 Kesan Terhadap Galakan Kepada Institusi

Kerjasama antara universiti dan industri menurut Gerelt-old (2019) berpotensi untuk menjana pendapatan tambahan kepada universiti dan akan menggalakkan pelajar meningkatkan motivasi dan pengetahuan mereka terhadap pembelajaran. Jaringan yang wujud bersama industri juga dilihat akan membantu pelajar meningkatkan peluang pekerjaan mereka selepas tamatnya pengajian (Mousa et al., 2022). Manakala Mohd Zainudin (2018) mengatakan lawatan lapangan amat digalakkan supaya dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar secara fizikal tentang bagaimana industri beroperasi dan menghubungkan antara pembelajaran akademik dan industri.

2.13 Kesan Terhadap Tahap Kepekaan Pelajar

Tahap kepekaan pelajar terhadap pembelajaran meningkat melalui aktiviti luar yang dianjurkan seperti lawatan dan wacana. Menurut Apidah (2022), persekitaran pembelajaran dapat mewujudkan suasana yang kondusif dan menjadikan pelajar lebih berminat terhadap pembelajaran. Lantas, dengan adanya kemudahan yang lengkap dan suasana yang menyokong, pelajar akan lebih mudah mengatasi masalah pembelajaran mereka.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi seperti berikut.

3.1 Persampelan

Kajian ini mengaplikasi kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik iaitu Google Form yang dikongsikan secara atas talian untuk memudahkan proses penyebaran soal selidik. Pemilihan kaedah ini juga membolehkan pengumpulan data daripada responden di kawasan kajian yang disasarkan dapat dilakukan. Responden akan mendapat soal selidik tersebut melalui email, aplikasi Whatsapp dan Telegram. Jawapan hanya dianalisis berdasarkan soal selidik yang telah lengkap sahaja.

Kajian ini juga telah menggunakan kaedah persampelan khusus iaitu dengan hanya mengambil kira responden yang belajar di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) di Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja. Kajian ini menggunakan responden di FEP sahaja kerana kursus-kursus seperti ekonomi, perakaunan dan keusahawanan lebih banyak melibatkan industri dan kemahiran yang diperlukan cenderung berubah mengikut peredaran masa. Tambahan pula, pelajar FEP banyak didedahkan dengan aktiviti lawatan berimpak dan wacana pada setiap semester. Ini lebih memudahkan proses pengumpulan data berlangsung mengikut kawasan kajian. Kajian ini telah mengenalpasti bahawa lawatan yang disertai oleh pelajar majoriti nya di luar kawasan UKM iaitu seramai 240 orang dan selebihnya di dalam UKM. Sebaliknya bagi wacana pula, seramai 182 pelajar menghadiri wacana yang diadakan di dalam UKM dan 68 pelajar di luar kawasan kampus.

3.2 Instrumen Kajian

Umumnya, menurut teori pembelajaran sosial, individu memperoleh tingkah laku, sikap, dan reaksi emosi baharu melalui pemerhatian dan peniruan orang lain. Berdasarkan teori ini juga, pedagogi yang menggunakan pendekatan dialogik memberi penekanan kepada perbualan atau komunikasi sebagai alat yang penting dalam pembangunan kognitif pelajar. Selari dengan pandangan teori ini, perbualan atau komunikasi antara pelajar dengan tenaga pengajar dan pihak luar sebelum, semasa dan selepas lawatan dan wacana dilihat sememangnya penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, memandangkan kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan lawatan dan wacana kepada pelajar dari jurus pandang pelajar sendiri, maka kajian ini mengaplikasi kaedah kuantitatif menerusi pengedaran soal selidik kepada pelajar.

Soal selidik melalui google form yang dihasilkan mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden dan maklumat penaja dan gred purata responden, Bahagian B terdiri daripada penjelasan berkenaan lawatan dan wacana yang dihadiri manakala Bahagian C pula terdiri daripada kepentingan lawatan dan wacana terhadap P&P. Bahagian C ini

merupakan soalan skala Likert yang menggunakan empat skala sahaja iaitu 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=setuju, 4=sangat setuju. Menurut Shidki et al. 2023, skala likert 4 mata lebih menunjukkan kepastian dalam sesuatu keputusan berbanding 5 mata yang akan menunjukkan ketidakpastian kerana wujudnya neutral responden. Skala likert 4 mata lebih mudah difahami dan diinterpretasi. Soalan-soalan daripada bahagian B dan C, kajian ini telah merujuk kepada soalan kajian lepas dengan mengikuti tema-tema yang berkaitan dan telah ditambah baik. Tema dan soalan yang telah diubah suai dapat menjawab objektif kajian ini iaitu melihat keberkesanan lawatan dan wacana. Sebagai contoh pelajar amat bersetuju dengan kenyataan lawatan dan wacana dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap pembelajaran.

3.3 Spesifikasi Model

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang merupakan kesan atau kepentingan aktiviti lawatan dan wacana dengan industri terhadap pelajar. Rentetan itu, kepentingan lawatan dan wacana ini diuji menggunakan model analisis penjelajahan faktor (Exploratory Factor Analysis-EFA) menerusi penggunaan pakej Statistical Package for Social Science (SPSS). Kajian ini telah mengikuti semua ujian yang berkaitan dan telah ditulis dalam hasil kajian. Data daripada responden dianalisis membentuk satu kumpulan kluster faktor. Sebelum analisis penjelajahan faktor digunakan, dua ujian iaitu Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan "Bartlett's Test of Sphericity" perlu dilakukan terlebih dahulu. Ujian KMO perlu melebihi nilai 0.50 di mana ia menunjukkan kecukupan pesampelan. Manakala ujian Bartlett perlu mendapat nilai yang menghampiri nilai sifar (0.000) iaitu nilai yang kurang daripada 0.05 kerana ia menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara beberapa sub skala serta data adalah sesuai untuk dianalisis menggunakan model analisis faktor. Selepas hasil daripada kedua-dua ujian di atas diperolehi barulah analisis faktor boleh digunakan.

Ujian kesahan lain yang dilakukan adalah jumlah varians yang dijelaskan, skor min dan ujian kebolehpercayaan (Reliability Test-Cronbach's Alpha). Dalam analisis penjelajahan faktor (EFA), putaran varimax dilakukan menggunakan penanda aras untuk pembolehubah dan kumpulan kelompok faktor. Jika kelompok faktor atau pembolehubah berada di bawah tanda aras <1.0 dan <0.4 , ia akan dialih keluar daripada pembentangan. Dalam penyiasatan ini, kumpulan faktor peratusan dijelaskan menggunakan jumlah varians ujian. Faktor ini menggambarkan perkadaran jumlah perkaitan setiap kumpulan yang dinilai dan cara faktor menyumbang kepada penjelasan kelompok pembolehubah awal yang mana peratusannya perlu lebih tinggi daripada 0.5. Tahap min tahap kepuasan dan kesetiaan soalan pembolehubah diterangkan oleh nilai skor min. Akibatnya, nilai min yang melebihi 2.0 dianggap penting untuk skala min 4, dan sebaliknya. Ujian kebolehpercayaan iaitu Reliability Test-Cronbach's Alpha pula diandaikan bahawa setiap item adalah ujian kovarians dan semua korelasi item diukur antara kelompok dalam kumpulan. Lebih daripada tiga item pembolehubah diperlukan dan nilai Cronbach Alpha yang diluluskan hendaklah lebih tinggi daripada 0.7.

4.0 HASIL KAJIAN

Dapatan kajian terbahagi kepada analisis deskriptif dan analisis faktor.

4.1 Latar Belakang Responden

Daripada 250 responden, kebanyakan responden adalah perempuan (54.4%) dan berumur 21 hingga 23 tahun (58.4%) diikuti 24 hingga 26 tahun (28.4%). Dalam masa yang sama, 48.4% responden juga adalah pelajar tahun 3 diikuti 34% responden pelajar tahun 2. Memandangkan kebanyakan pelajar berstatus senior, maka ini bererti mereka telah berpengalaman dalam menyertai pelbagai aktiviti lawatan dan wacana dengan pihak industri. Di samping itu, kajian ini juga mengambil kira responden dari pelbagai sub bidang dalam ekonomi dan pengurusan iaitu 30% responden dalam bidang ekonomi, pengurusan perniagaan (24%), perakaunan (24%) serta keusahawanan dan inovasi (22%). Majoriti pelajar juga tinggal di kolej penginapan (54.8%) yang mana ini memudahkan dan lebih menggalakkan mereka untuk menyertai aktiviti lawatan dan wacana tersebut. Manakala dari segi taburan pelajar mengikut CGPA, 71.2% responden memperolehi pointer sekitar 3.5 hingga 4.0. Ini mencerminkan kebanyakan responden adalah merupakan pelajar yang mempunyai prestasi yang baik dan cemerlang.

Lantas, kajian ini dapat mengenalpasti bagaimana aktiviti lawatan dan wacana membantu pelajar cemerlang dalam pembelajaran mereka. Malah, memandangkan 55.6% responden mendapat tajaan atau pinjaman pelajaran, maka sudah pasti mereka cuba sentiasa mengekalkan prestasi mereka bagi memenuhi tuntutan penaja. Oleh itu, secara tidak langsung kajian ini akan dapat mengenalpasti bagaimana pelajar yang ditaja ini mengekalkan prestasi mereka menerusi aktiviti lawatan dan wacana.

4.2 Profil Penyertaan Dalam Lawatan Dan Wacana

Berdasarkan Jadual 1, didapati kursus dari pelbagai sub bidang mengadakan lawatan ke industri. Ini menunjukkan pensyarah dari pelbagai kursus merentas sub bidang di FEP telah memilih lawatan sebagai salah satu kaedah P&P bagi kursus mereka. Namun begitu, didapati banyak lagi kursus lain berorientasikan jaringan industri yang sepatutnya perlu mengadakan sesi perkongsian ilmu dengan industri menerusi aktiviti lawatan. Dalam kata lain, seharusnya lebih ramai pensyarah perlu digalakkan untuk mengadakan aktiviti lawatan ini. Selain itu, pelajar FEP dilihat bukan sahaja menyertai lawatan yang dianjurkan oleh pensyarah menerusi kursus yang diambil, tetapi mereka juga menyertai lawatan yang dibuat oleh pelbagai kelab dan persatuan pelajar.

Jadual 1: Aktiviti Lawatan yang Disertai

Kategori	n	Peratus (%)	Sampel Komen
Lain-lain	78	31.2	"Citra Inklusif" "Perakaunan sektor awam" "KEUSAHAWANAN SOSIAL"
Kelab Perakaunan	53	21.2	"AE Fep Club"
Kelab Ekonomi	26	10.4	"Anjuran Kelab Ekonomi"
Kelab Pengurusan Perniagaan	17	6.8	"Management Club" "Bba"
Pengurusan dan Pelaburan Portfolio	16	6.4	"EPPM3654 PELABURAN PORTFOLIO"
Persekitaran Ekonomi untuk Perniagaan	16	6.4	"persekitaran ekonomi untuk perniagaan EPPK2213"
Ekonomi Percukaian	12	4.8	"EPPE 3223 EKONOMI PERCUKAIAN"
Pemasaran Antarabangsa	12	4.8	"PEMASARAN ANTARABANGSA"
Kelab Keusahawanan dan Inovasi	10	4	"Bei Club"
Ekonomi Monetari	5	2	"Lawatan berimpak monetari"
Kerajaan dan Pembangunan Industri	3	1.2	"KERAJAAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI"
Perniagaan Tani	2	0.8	"lawatan untuk subjek Pengurusan Perniagaan Tani"

Apabila diperincikan tentang lawatan seperti tertera di Jadual 2, didapati lebih banyak lawatan disertai oleh pelajar dalam semester pertama. Kebanyakan lawatan adalah dibuat di luar kampus atau di tempat industri. Malah, lawatan juga banyak dibuat semasa waktu kuliah yang mencerminkan pensyarah mengintegrasikan lawatan dalam rancangan pengajaran kursus terbabit.

Jadual 2: Butiran Lawatan

	Item	n	Peratus (%)
Semester	Semester 1	140	56
	Semester 2	110	44
Tempat	Dalam UKM	10	4
	Luar UKM	240	96
Masa	Semasa waktu kuliah	156	62.4
	Luar waktu kuliah	94	37.6

Seterusnya, aktiviti wacana yang disertai oleh responden seperti di Jadual 3 membuktikan pelajar juga banyak menyertai pelbagai wacana yang dibuat oleh pelbagai kursus dan kelab. Seperti juga aktiviti lawatan, maka aktiviti wacana ini juga sepatutnya dijadikan salah satu kaedah P&P bagi lebih banyak kursus yang ditawarkan FEP pada setiap semester tidak kiralah sama ada ia dibuat secara bersemuka atau secara dalam talian.

Jadual 3: Aktiviti wacana yang disertai

Kategori	n	Peratus (%)	Sampel Komen
Lain-lain	75	30	"Analisis sosial dan politik" "Anjuran Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Malaysia" "Pengantar Pengurusan"
Cesmed	29	11.6	"Keusahawanan Inovasi" "CMIE 3013 INOVASI PRODUK & KEUSAHAWANAN 1"
Kelab Perakaunan	23	9.2	"Kelab Akaun FEP"
UKM Karier	14	5.6	"anjuran UKM Karier "
Ekonomi Pembangunan	14	5.6	"ekonomi pembangunan"
Anjuran Luar Fakulti	13	5.2	"PERTAMA FTSM UKM" "PENGANTAR ASTROFIQH"
Pengurusan Kerjaya	13	5.2	"LMCR 3442 PENGURUSAN KERJAYA"
Hari Kerjaya	11	4.4	"Hari Kerjaya UKM"
Kelab Ekonomi	10	4	"ECONOMICS CLUB"

Kelab Pentadbiran Perniagaan	10	4	"Management club"
Perbelanjaan Awam	9	3.6	"perbelanjaan awam"
Ekonomi Perdagangan Antarabangsa	7	2.8	"EPPE 3143 EKONOMI PERDAGANGAN ANTARABANGSA"
Persediaan Alam Pekerjaan	7	2.8	"PERSEDIAAN ALAM PEKERJAAN"
Asas Perniagaan dan Keusahawanan Islam	4	1.6	"ASAS PERNIAGAAN ISLAM"
Keusahawanan Sosial	4	1.6	"LMCR1452 KEUSAHAWANAN SOSIAL"
Kelab Keusahawanan dan Inovasi	4	1.6	"Bei Nation Club"
Anjuran Kolej Kediaman	3	1.2	"Kolej Rahim Kajai "

Berkaitan dengan pengurusan wacana di Jadual 4, majoriti responden menyertai wacana pada semester kedua (52%) dan kebanyakan wacana tersebut dibuat dalam UKM (72.8%). Wacana terbabit juga seringkali dibuat semasa waktu kuliah (68%) yang menyebabkan pelajar tidak memerlukan surat pelepasan kuliah daripada pihak kedekanan FEP.

Jadual 4: Butiran Wacana

	Item	n	Peratus
Semester	Semester 1	120	48
	Semester 2	130	52
Tempat	Dalam UKM	182	72.8
	Luar UKM	68	27.2
Masa	Semasa waktu kuliah	170	68
	Luar waktu kuliah	80	32

4.3 Analisis Penjelajahan Faktor

Jadual 5 menunjukkan keputusan EFA yang merangkumi faktor muatan dan min bagi setiap item. Jadual ini juga meperlihatkan faktor kesesuaian lawatan dan wacana dalam proses P&P. Untuk mengenal pasti kesesuaian lawatan dan wacana terhadap pelajar, nilai faktor muatan yang tertinggi akan dipilih. Hasil kajian menunjukkan "Lawatan lebih sesuai dengan kursus ini". mendapat nilai faktor muatan tertinggi (0.888), diikuti "Saya lebih berminat mengambil kursus yang menggunakan gabungan pendekatan pembelajaran wacana dan kuliah." (0.879), "Pensyarah perlu memberi peluang kepada pelajar untuk memilih kaedah pengajaran tambahan selain kuliah yang pelajar minat seperti wacana dan lawatan." (0.873) dan "Lawatan industri memberikan pendedahan dan persediaan awal untuk pelajar memilih laluan kerjaya dalam bidang industri." (0.870). Jelas sekali, pelajar lebih berminat memilih kursus atau subjek yang menggunakan gabungan pendekatan pembelajaran secara lawatan, wacana dan

kuliah. Selain itu, nilai varians dijelaskan seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 1 adalah 68.78%. Peratusan ini menunjukkan semua pemboleh ubah dapat menerangkan semua elemen faktor kesesuaian lawatan dan wacana dalam proses P&P. Nilai alpha juga melebihi 0.7 iaitu 0.988 yang membuktikan kenyataan dalam semua pemboleh ubah diterima umum. Selain nilai alpha, nilai KMO adalah 0.938 iaitu melebihi 0.8.

Jadual 5: Kesesuaian Lawatan dan Wacana dalam Proses P&P

Item	Faktor Muatan	Min
Lawatan lebih sesuai untuk kursus ini.	0.888	3.82
Saya lebih berminat mengambil kursus yang menggunakan gabungan pendekatan pembelajaran secara wacana dan kuliah.	0.879	3.82
Pensyarah perlu memberi peluang kepada pelajar untuk memilih kaedah pengajaran tambahan selain kuliah yang pelajar minat seperti wacana dan lawatan.	0.873	3.79
Lawatan industri memberikan pendedahan dan persediaan awal untuk pelajar memilih laluan kerjaya dalam bidang industri.	0.870	3.78
Pelajar perlu diberi peluang untuk menentukan tarikh lawatan.	0.855	3.78
Saya lebih berminat mengambil kursus yang menggunakan gabungan pendekatan pembelajaran secara lawatan dan kuliah.	0.852	3.78

N=250, Ujian Sample KMO: 0.938 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Jadual 6 adalah kesan lawatan dan wacana terhadap tahap kefahaman pelajar menunjukkan tiga pemboleh ubah yang tertinggi adalah "Wacana/ceramah dapat meningkatkan lagi kefahaman pelajar terhadap kursus yang diambil." (0.897) diikuti "Selepas wacana/ceramah, tahap pemahaman saya terhadap kursus lebih tinggi." (0.892) dan "Wacana/ceramah lebih meningkatkan kefahaman saya tentang isu terkini dalam bidang yang saya ambil." (0.891). Namun, pelajar juga merasakan lawatan turut penting dalam meningkatkan kefahaman pelajar (0.889). Seperkara yang menarik adalah kaedah penyampaian oleh fasilitator daripada industri disukai dan dapat meningkatkan kefahaman pelajar semasa sesi wacana (0.884) dan lawatan (0.881). Di samping itu, nilai varians bagi Jadual 6 adalah 73.27% yang menunjukkan semua pemboleh ubah adalah menerangkan semua elemen faktor tahap kefahaman pelajar. Seterusnya, nilai KMO dan alpha masing-masing adalah 0.944 dan 0.989. Ini lebih membuktikan kebolehan percayaan terhadap setiap pemboleh ubah di dalam faktor ini.

Jadual 6: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Kefahaman Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Wacana/ceramah dapat meningkatkan lagi kefahaman pelajar terhadap kursus yang diambil.	0.897	3.76
Selepas wacana/ceramah, tahap pemahaman saya terhadap kursus lebih tinggi.	0.892	3.81
Wacana/ceramah lebih meningkatkan kefahaman saya tentang isu terkini dalam bidang yang saya ambil.	0.891	3.78
Pensyarah boleh memberikan ujian ringkas berkaitan bahan wacana untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar hasil daripada wacana/ceramah.	0.882	3.78

Kaedah penyampaian yang digunakan oleh fasilitator daripada industri semasa lawatan dapat membantu meningkatkan kefahaman saya.	0.881	3.79
Saya telah menyediakan soalan untuk ditanya dalam sesi wacana/ceramah untuk membuatkan saya lebih faham.	0.868	3.77

N=250, Ujian Sample KMO: 0.944 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Dapatan daripada Jadual 7 memperlihatkan bahawa kenyataan "Aktiviti ceramah/wacana lebih menyeronokkan dalam sesi (P&P)" memperoleh faktor muatan tertinggi (0.928) untuk faktor kesan lawatan dan wacana terhadap minat pelajar diikuti "Saya hadir untuk semua sesi lawatan bagi semua kursus yang saya ambil kerana saya berminat dengan aktiviti ini." (0.893) dan "Saya berminat untuk mengambil kursus ini kerana kursus ini mewajibkan pelajar untuk menghadiri wacana/ceramah." (0.878). Hasil kajian ini dapat diperkuatkan dengan nilai varians dijelaskan, KMO dan Alpha yang telah dikira. Nilai varians faktor ini adalah 73.74% yang menerangkan bahawa kesemua pemboleh ubah dapat menerangkan kesemua item, nilai KMO pula adalah 0.946 iaitu melebihi 0.8 dan nilai Alpha adalah 0.976 di mana melebihi 0.7.

Jadual 7: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Minat Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Aktiviti ceramah/wacana lebih menyeronokkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.	0.928	3.82
Saya hadir untuk semua sesi lawatan bagi semua kursus yang saya ambil kerana saya berminat dengan aktiviti ini.	0.893	3.79
Saya berminat untuk mengambil kursus ini kerana kursus ini mewajibkan pelajar untuk menghadiri wacana/ceramah.	0.878	3.79
Aktiviti lawatan lebih menyeronokkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.	0.867	3.81
Cara penceramah menyampaikan ceramah semasa lawatan menyebabkan saya lebih minat terhadap kursus ini.	0.863	3.81
Saya sentiasa bersemangat dan ceria semasa sesi wacana/ceramah.	0.857	3.81

N=250, Ujian Sample KMO: 0.946 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Jadual 8 pula merupakan faktor kesan lawatan dan wacana terhadap tahap kemahiran pelajar. Faktor muatan tertinggi yang diperoleh adalah "Lawatan membolehkan pelajar berfikir secara lebih kreatif." (0.889) diikuti dengan "Lawatan dapat meningkatkan kemahiran pelajar terhadap kursus yang diambil." (0.881) dan "Lawatan akan memberikan pendedahan dan pengalaman secara "hands on." (0.868). Jelas sekali bahawa aktiviti lawatan penting dalam meningkatkan kemahiran pelajar. Malah, pelajar dapat menghubungkan antara teori dan praktis menerusi aktiviti wacana (0.862) dan lawatan (0.854). Keputusan kajian menunjukkan jumlah varians dijelaskan adalah 73.64% yang bermaksud semua pemboleh ubah menerangkan semua faktor yang berkaitan dengan tahap kemahiran pelajar. Seterusnya nilai KMO adalah lebih daripada 0.7 iaitu 0.929 manakala nilai Alpha juga melebihi 0.5 iaitu 0.979.

Jadual 8: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Kemahiran Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Lawatan membolehkan pelajar berfikir secara lebih kreatif.	0.889	3.78
Lawatan dapat meningkatkan kemahiran pelajar terhadap kursus yang diambil.	0.881	3.80
Lawatan akan memberikan pendedahan dan pengalaman secara “hands on”.	0.868	3.78
Wacana/ceramah akan membolehkan pelajar mempunyai praktikal dengan teknologi terkini.	0.863	3.79
Wacana/ceramah membolehkan pelajar berfikir secara lebih kreatif.	0.860	3.79
Wacana/ceramah membolehkan pelajar menjadi mahir untuk mereka menghadapi saingan di alam kerja.	0.852	3.78

N=250, Ujian Sample KMO: 0.929 “Bartlett's Test of Sphericity”: $p < 0.0001$

Jadual 9 menunjukkan faktor kesan lawatan dan wacana terhadap tahap komunikasi pelajar. Tiga kenyataan dengan faktor muatan tertinggi adalah “Selepas lawatan, saya lebih yakin untuk berbincang tentang kursus terbabit dengan sesama rakan dan pensyarah.” (0.884), “Wacana/ceramah dapat mengembangkan semangat kerja berpasukan pelajar.” (0.874) dan “Wacana/ceramah membuka ruang kepada saya untuk berkomunikasi secara aktif.” (0.866). Secara langsung ia meningkatkan lagi tahap komunikasi pelajar. Di samping itu, wacana (0.835) dan lawatan (0.793) juga menjadikan pelajar mahir untuk berkomunikasi dengan pihak luar dari universiti. Dapatan ini diperkukuh dengan nilai varians dijelaskan sebanyak 74.27%. Ini membuktikan bahawa pembolehubah adalah selari dengan semua faktor terhadap tahap komunikasi pelajar. Selain itu, nilai KMO berdasarkan jadual di atas adalah 0.942 dan nilai Alpha adalah 0.965.

Jadual 9: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Komunikasi Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Selepas lawatan, saya lebih yakin untuk berbincang tentang kursus terbabit dengan sesama rakan dan pensyarah.	0.884	3.82
Wacana/ceramah dapat mengembangkan semangat kerja berpasukan pelajar.	0.874	3.80
Wacana/ceramah membuka ruang kepada saya untuk berkomunikasi secara aktif.	0.866	3.81
Lawatan dapat mengembangkan semangat kerja berpasukan pelajar.	0.865	3.81
Selepas wacana/ceramah, saya lebih yakin untuk berbincang tentang kursus terbabit dengan sesama rakan dan pensyarah.	0.855	3.80
Wacana/ceramah membolehkan pelajar lebih mahir dalam komunikasi dengan pihak luar daripada universiti.	0.835	3.75
Saya dapat mewujudkan kemahiran berinteraksi dan hubungan sosial bersama rakan melalui wacana secara bersemuka.	0.833	3.83
Lawatan membuka ruang kepada saya untuk berkomunikasi secara aktif.	0.808	3.77

Lawatan membolehkan pelajar lebih mahir dalam komunikasi dengan pihak luar daripada universiti.	0.793	3.79
---	-------	------

N=250, Ujian Sample KMO: 0.942 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Jadual 10 di bawah membincangkan tentang faktor kesan lawatan dan wacana terhadap tahap motivasi pelajar. Nilai faktor muatan tertinggi bagi faktor ini adalah "Sebelum lawatan diadakan, saya cenderung untuk aktif di dalam kelas sebagai persediaan untuk wacana/ceramah." (0.902), "Wacana/ceramah meningkatkan keyakinan kepada pelajar." (0.874) dan "Saya lebih bermotivasi untuk mendaftar kursus-kursus yang terdapat aktiviti wacana/ceramah." (0.882). Dapatan ini menunjukkan pelajar juga lebih bermotivasi untuk mempelajari kursus ini secara konsisten dengan lebih fokus. Nilai varians dijelaskan untuk faktor ini adalah 74.51% iaitu melebihi 50% manakala nilai KMO dan alpha adalah 0.953 dan 0.961 iaitu melebihi nilai 0.7.

Jadual 10: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Motivasi Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Sebelum lawatan diadakan, saya cenderung untuk aktif di dalam kelas sebagai persediaan untuk wacana/ceramah.	0.902	3.79
Wacana/ceramah meningkatkan keyakinan kepada pelajar.	0.884	3.81
Saya lebih bermotivasi untuk mendaftar kursus-kursus yang terdapat aktiviti wacana/ceramah.	0.882	3.80
Selepas wacana/ceramah secara bersemuka, saya lebih bermotivasi untuk mempelajari kursus ini secara konsisten dengan lebih fokus.	0.856	3.80
Lawatan meningkatkan keyakinan kepada pelajar.	0.852	3.80
Saya lebih bermotivasi untuk mendaftar kursus-kursus yang terdapat aktiviti lawatan.	0.848	3.83
Lawatan memberikan motivasi kepada saya untuk komited dan hadir secara aktif di dalam kelas.	0.828	3.79
Selepas lawatan, saya lebih bermotivasi untuk mempelajari kursus ini secara konsisten dengan lebih fokus.	0.783	3.78

N=250, Ujian Sample KMO: 0.953 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Merujuk kepada Jadual 11 di bawah yang merupakan kesan lawatan dan wacana terhadap tahap prestasi pelajar, nilai faktor muatan yang tertinggi adalah "Saya lebih faham untuk menjawab soalan dan latihan berkaitan dengan kursus yang diambil selepas balik daripada wacana/ceramah." (0.895) dan "Wacana/ceramah menyebabkan prestasi pelajar lebih baik berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pensyarah." (0.879). Melalui nilai tertinggi faktor muatan ini, jelas ditunjukkan bahawa aktiviti wacana atau ceramah dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu kursus sekaligus mempertingkatkan prestasi pelajar dalam akademik. Malah, pelajar lebih faham untuk menjawab soalan tugas dan latihan setelah menghadiri wacana (0.875) dan lawatan (0.825). Selain itu, nilai varians dijelaskan adalah 76.44% iaitu melebihi 50% manakala nilai KMO dan alpha masing-masing adalah 0.933 dan 0.966.

Jadual 11: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Prestasi Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Saya lebih faham untuk menjawab soalan dan latihan berkaitan dengan kursus yang diambil selepas balik daripada wacana/ceramah.	0.895	3.79
Wacana/ceramah menyebabkan prestasi pelajar lebih baik berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pensyarah.	0.879	3.77
Pelajar perlu diberi peratusan penilaian tertentu berkaitan dengan penglibatan mereka dengan wacana/ceramah.	0.875	3.77
Selepas wacana/ceramah, pelajar dapat menjawab soalan dan tugas dengan lebih baik.	0.875	3.78
Lawatan menyebabkan prestasi pelajar lebih baik berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pensyarah.	0.868	3.77
Selepas lawatan, pelajar dapat menjawab soalan dan tugas dengan lebih baik.	0.825	3.78
Pelajar sepatutnya diwajibkan untuk menghadiri program wacana/ceramah yang dianjurkan dalam kursus yang didaftarkan.	0.822	3.78

N=250, Ujian Sample KMO: 0.933 “Bartlett's Test of Sphericity”: $p < 0.0001$

Paparan di Jadual 12 pula menunjukkan faktor kesan lawatan dan wacana terhadap tahap kepimpinan pelajar. Didapati nilai faktor muatan tertinggi merupakan “Saya menjadi ajk untuk menguruskan program wacana/ceramah.” (0.876), “Saya menjadi ajk untuk menguruskan program lawatan.” (0.874), “Wacana/ceramah membolehkan saya belajar menggalas tugas yang dipertanggungjawabkan.” (0.786) dan “Lawatan membolehkan saya belajar menggalas tugas yang dipertanggungjawabkan” (0.735). Nilai varians dijelaskan untuk faktor ini adalah 65.11%. Nilai ini adalah lebih dari 50% maka ianya membuktikan pemboleh ubah dapat menerangkan semua elemen faktor. Seterusnya, nilai KMO dan Alpha adalah 0.858 dan 0.898. Kedua-dua nilai ini adalah lebih daripada 0.7 untuk keboleh percayaan pemboleh ubah.

Jadual 12: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Kepimpinan Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Saya menjadi ajk untuk menguruskan program wacana/ceramah.	0.876	3.50
Saya menjadi ajk untuk menguruskan program lawatan.	0.874	3.51
Wacana/ceramah membolehkan saya belajar menggalas tugas yang dipertanggungjawabkan.	0.786	3.80
Lawatan membolehkan saya belajar menggalas tugas yang dipertanggungjawabkan.	0.735	3.80
Saya mendapat pendedahan dan mempelajari cara mengendalikan aktiviti lawatan dengan baik.	0.728	3.79

Saya mendapat pendedahan dan mempelajari cara mengendalikan aktiviti wacana/ceramah dengan baik.	0.698	3.79
Saya mendapat pendedahan dan mempelajari cara mengendalikan aktiviti wacana/ceramah dengan baik.	0.698	3.79
Wacana/ceramah dapat meningkatkan kemahiran kepimpinan saya.	0.637	3.76
Lawatan dapat meningkatkan kemahiran kepimpinan saya.	0.633	3.76

N=250, Ujian Sample KMO: 0.858 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Selanjutnya, Jadual 13 adalah dapatan daripada faktor kesan lawatan dan wacana terhadap tahap hubungan jaringan bersama industri. Antara nilai faktor muatan yang tertinggi adalah "Saya akan menggunakan informasi daripada pihak industri sebagai input untuk saya membuat kertas ilmiah kelak." (0.860), "Saya akan menggunakan informasi dan hubungan baik daripada pihak industri sebagai input untuk saya memohon tempat untuk latihan industri." (0.843). Ini menunjukkan bahawa selepas aktiviti wacana atau ceramah ini diadakan, pelajar dapat menggunakan informasi dan hubungan baik dengan industri bagi melakukan kajian dalam kertas ilmiah serta untuk tujuan penempatan latihan industri. Nilai varians dijelaskan untuk faktor ini adalah lebih daripada 50% iaitu 74.31%. Nilai KMO dan Alpha juga adalah 0.925 dan 0.950 dimana nilai ini adalah nilai yang tinggi untuk kebolehpercayaan faktor.

Jadual 13: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Hubungan Jaringan Bersama Industri

Item	Faktor Muatan	Min
Saya akan menggunakan informasi daripada pihak industri sebagai input untuk saya membuat kertas ilmiah kelak.	0.860	3.84
Saya akan menggunakan informasi dan hubungan baik daripada pihak industri sebagai input untuk saya memohon tempat untuk latihan industri.	0.843	3.76
Wacana/ceramah membolehkan saya mengenali pihak industri dengan lebih mendalam.	0.842	3.78
Saya akan menggunakan informasi dan hubungan baik daripada pihak industri bagi suatu kursus untuk digunakan dalam keperluan program lain dalam universiti.	0.832	3.75
Saya akan menggunakan informasi dan hubungan baik daripada pihak industri bagi suatu kursus untuk digunakan dalam keperluan kursus yang lain.	0.831	3.79

N=250, Ujian Sample KMO: 0.925 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Seterusnya, Jadual 14 menunjukkan keputusan bagi faktor kesan lawatan dan wacana terhadap tahap penyertaan dan penglibatan pelajar. Nilai faktor muatan yang tertinggi adalah "Saya pasti akan menyertai sebarang lawatan yang dianjurkan menerusi kursus yang saya daftar." (0.917), "Saya pasti akan menyertai sebarang wacana/ceramah yang dianjurkan menerusi kursus yang saya daftar." (0.917) "Tahap kehadiran saya lebih tinggi bagi kursus yang mempunyai lawatan." (0.869) dan "Tahap kehadiran saya lebih tinggi bagi kursus yang mempunyai wacana/ceramah." (0.857). Selain itu, nilai varians dijelaskan yang seperti lampiran adalah 78.40% manakala nilai KMO dan Alpha adalah lebih daripada 0.7 iaitu 0.886 dan 0.943.

Jadual 14: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Penyertaan dan Penglibatan Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Saya pasti akan menyertai sebarang lawatan yang dianjurkan menerusi kursus yang saya daftar.	0.917	3.81
Saya pasti akan menyertai sebarang wacana/ceramah yang dianjurkan menerusi kursus yang saya daftar.	0.917	3.82
Tahap kehadiran saya lebih tinggi bagi kursus yang mempunyai lawatan.	0.869	3.79
Tahap kehadiran saya lebih tinggi bagi kursus yang mempunyai wacana/ceramah.	0.857	3.78
Selepas wacana/ceramah, saya lebih komited untuk hadir dan menyertai aktiviti di dalam kuliah untuk saya mengembangkan lagi pengetahuan yang saya terima daripada aktiviti tersebut.	0.857	3.76
Selepas lawatan, saya lebih komited untuk hadir dan menyertai aktiviti di dalam kuliah untuk saya mengembangkan lagi pengetahuan yang saya terima daripada lawatan.	0.784	3.75

N=250, Ujian Sample KMO: 0.886 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Faktor muatan di Jadual 15 pula menunjukkan pelajar berpuashati dengan lawatan (0.925) dan wacana/ceramah (0.853) yang dianjurkan. Malah mereka mendapat pengalaman baru menerusi wacana/ceramah (0.869) dan lawatan (0.832). Ini mencerminkan lawatan dan wacana membolehkan pelajar mempelajari ilmu baru. Nilai varians dijelaskan adalah 81.69% iaitu melebihi 50% manakala untuk nilai KMO dan Alpha pula adalah melebihi 0.7 iaitu 0.850 dan 0.924.

Jadual 15: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Kepuasan Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Saya berpuas hati dalam aktiviti lawatan yang dianjurkan.	0.925	3.80
Saya dapat menimba pengalaman baru melalui program wacana/ceramah.	0.869	3.80
Saya berpuas hati dalam aktiviti wacana/ceramah yang dianjurkan.	0.853	3.77
Saya dapat menimba pengalaman baru melalui aktiviti lawatan.	0.832	3.82

N=250, Ujian Sample KMO: 0.850 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Jadual 16 menunjukkan telah menunjukkan nilai faktor muatan bagi faktor kesan lawatan dan wacana terhadap galakan kepada pelajar. Nilai faktor muatan tertinggi adalah "Aktiviti wacana/ceramah yang dilakukan secara percuma menggalakkan saya untuk menyertai aktiviti tersebut." (0.900) diikuti "Saya sering diberi galakan pensyarah untuk menyertai aktiviti lawatan yang dianjurkan." (0.898) dan "Peruntukan dana untuk lawatan termasuk dana bagi makanan oleh pihak fakulti akan menggalakkan pelajar untuk menyertai wacana/ceramah." (0.898). Nilai faktor muatan keempat tertinggi pula adalah "Penambahbaikan terhadap kemudahan di fakulti akan menggalakkan pelajar untuk melakukan dan menyertai wacana/ceramah." (0.896). Ini mencerminkan aktiviti secara percuma, peruntukan belanjawan serta kemudahan di fakulti yang baik akan menggalakkan lagi pelajar menyertai aktiviti lawatan dan wacana. Nilai varians dijelaskan bagi faktor ini 76.84% manakala nilai KMO dan Alpha adalah 0.884 dan 0.962. Nilai KMO dan Alpha yang melebihi 0.7.

Jadual 16: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Galakan kepada Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Aktiviti wacana/ceramah yang dilakukan secara percuma menggalakkan saya untuk menyertai aktiviti tersebut.	0.900	3.78
Saya sering diberi galakan pensyarah untuk menyertai aktiviti lawatan yang dianjurkan.	0.898	3.80
Peruntukan dana untuk lawatan termasuk dana bagi makanan oleh pihak fakulti akan menggalakkan pelajar untuk menyertai wacana/ceramah.	0.898	3.80
Saya sering diberi galakan pensyarah untuk menyertai aktiviti wacana/ceramah yang dianjurkan.	0.896	3.78
Penambahbaikan terhadap kemudahan di fakulti akan menggalakkan pelajar untuk melakukan dan menyertai wacana/ceramah.	0.896	3.78
Saya sering diberi galakan rakan-rakan untuk menyertai aktiviti wacana/ceramah yang dianjurkan.	0.879	3.78
Saya sering diberi galakan rakan-rakan untuk menyertai aktiviti lawatan yang dianjurkan.	0.873	3.78
Peruntukan dana untuk lawatan termasuk dana bagi makanan dan pengangkutan oleh pihak fakulti akan menggalakkan pelajar untuk menyertai lawatan.	0.837	3.81
Aktiviti lawatan yang dilakukan secara percuma menggalakkan saya untuk menyertai lawatan tersebut.	0.807	3.79

N=250, Ujian Sample KMO: 0.884 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

Dapatan daripada Jadual 17 menunjukkan faktor kesan lawatan dan wacana terhadap tahap kepekaan pelajar. Nilai faktor muatan tertinggi berdasarkan dapatan yang diperoleh adalah "Aktiviti yang dilakukan semasa wacana/ceramah membuatkan saya lebih peka terhadap persekitaran dan isu semasa." (0.879) diikuti dengan "Saya selalu peka terhadap aktiviti lawatan yang dianjurkan di tempat pengajian." (0.877) dan "Saya selalu peka terhadap program wacana/ceramah yang dianjurkan di tempat pengajian." (0.851). Jelas sekali wacana atau ceramah melatih pelajar menjadi lebih peka dengan isu dan keadaan sekeliling. Nilai varians dijelaskan adalah 76.54% manakala untuk nilai KMO dan Alpha adalah 0.881 dan 0.992.

Jadual 17: Kesan Lawatan dan Wacana terhadap Tahap Kepekaan Pelajar

Item	Faktor Muatan	Min
Aktiviti yang dilakukan semasa wacana/ceramah membuatkan saya lebih peka terhadap persekitaran dan isu semasa.	0.879	3.78
Saya selalu peka terhadap aktiviti lawatan yang dianjurkan di tempat pengajian.	0.877	3.78
Saya selalu peka terhadap program wacana/ceramah yang dianjurkan di tempat pengajian.	0.851	3.78

Aktiviti yang dilakukan dalam lawatan membuatkan saya lebih peka terhadap masalah pembelajaran saya.	0.851	3.81
Aktiviti yang dilakukan semasa lawatan membuatkan saya lebih peka terhadap persekitaran dan isu semasa.	0.744	3.79

N=250, Ujian Sample KMO: 0.881 "Bartlett's Test of Sphericity": $p < 0.0001$

5.0 RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti lawatan dan wacana/ceramah sangat sesuai dan perlu dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutama di peringkat pengajian tinggi (tertiari). Ini kerana pelajar kini lebih berminat memilih kursus atau subjek yang menggunakan gabungan pendekatan pembelajaran secara lawatan, wacana dan kuliah. Malah, pelajar didapati cenderung untuk mempunyai kehadiran yang tinggi bagi kursus yang mempunyai aktiviti lawatan atau ceramah memandangkan mereka ingin menyertai lawatan atau wacana tersebut.

Selain itu, dapatan juga membuktikan aktiviti wacana/ceramah lebih meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kursus yang diambil semasa pengajian. Hal ini ditambah lagi dengan kaedah penyampaian oleh fasilitator daripada industri disukai dan dapat meningkatkan kefahaman pelajar. Dalam masa yang sama, lawatan dan wacana turut dapat meningkatkan kemahiran pelajar memandangkan mereka dapat menghubungkan antara teori dan praktis menerusi kedua-dua aktiviti tersebut. Keputusan ini selari dengan dapatan Budi Taqwan dan Saleh Haji (2019) di mana salah satu cara agar informasi dapat kekal lama dalam ingatan adalah dengan memberikan pendedahan kepada pelajar agar pelajar bergiat aktif dalam proses pembelajaran. Ini sejajar dengan pandangan Chew Fong Peng dan Mohd Fikri (2020) yang menegaskan melalui aktiviti luar ini pelajar dapat meningkatkan perkembangan fizikal dan potensi untuk mereka akan meningkat. Malah, Nur Diyanah dan Syaza Hazwani (2021) telah menjelaskan bahawa menerusi pengalaman sosial dan emosi yang berkesan, pelajar lebih mudah menyesuaikan diri dalam persekitaran akademik.

Seperkara yang perlu ditekankan di sini adalah lawatan dan wacana penting kerana pelajar dapat menggunakan informasi dan hubungan baik dengan industri bagi melakukan kajian dalam kertas ilmiah serta untuk tujuan penempatan latihan industri. Ini akan membolehkan pelajar lebih mudah untuk memohon pekerjaan selepas mereka tamat pengajian kelak serta meningkatkan penarafan fakulti dari aspek kebolehpasaran graduan.

Selanjutnya, lawatan dan wacana juga penting dalam menjadikan pelajar dapat berkomunikasi dengan baik berkaitan kandungan kursus yang diambil serta mahir berkomunikasi dengan pihak luar (industri). Ini selari dengan kenyataan Zainiah et al. (2021) bahawa aktiviti luar kelas dapat meningkatkan interaksi dan perkembangan fizikal pelajar. Secara langsung, lawatan dan wacana ini sebenarnya mampu mengurangkan masalah komunikasi dalam kalangan graduan yang selama ini sering diutarakan oleh pihak industri.

Seterusnya, motivasi pelajar didapati turut meningkat menerusi lawatan dan wacana yang disertai. Ini menggambarkan aktiviti luar kelas juga menjadikan pelajar bermotivasi untuk belajar. Nurul Hafizah et al. (2020) telah menegaskan bahawa pelajar menunjukkan perkembangan yang positif apabila pendidik menggunakan aktiviti lain sewaktu pembelajaran berlangsung. Oleh itu, aktiviti lawatan dan wacana perlu diterapkan dalam PdP dengan lebih kerap lagi agar secara langsung pensyarah dapat memotivasikan pelajar dan menjadikan pelajar mendapat keputusan penilaian yang baik.

Berkaitan dengan aspek kepimpinan, dapatan menunjukkan wacana dan lawatan dapat meningkatkan kepimpinan pelajar serta menjadikan mereka lebih bertanggungjawab. Rentetan itu, kursus yang ada menerapkan aktiviti lawatan dan wacana sebenarnya turut melatih dan melahirkan lebih ramai pemimpin yang berpotensi.

Oleh itu, penerapan aktiviti lawatan dan wacana dalam PdP terutama dalam kursus atau bidang di peringkat pengajian tinggi yang banyak dipandu oleh perubahan dalam industri wajar dipertingkatkan lagi memandangkan ia memberi manfaat dari aspek kefahaman pelajar, hubungan baik dengan industri, komunikasi, motivasi, prestasi pelajar dan kepimpinan.

Di samping itu, memandangkan kajian ini hanya memfokus kepada sampel pelajar dalam bidang ekonomi, pengurusan dan kesahawanan sahaja, maka dapatan kajian berkaitan kesan wacana dan lawatan dilihat agak terhad. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih terperinci, kajian di masa hadapan perlu mengambil kira pelajar merentas pelbagai bidang dan generasi agar dapat diperinci bentuk dan kesan aktiviti lawatan dan wacana yang bakal dilaksanakan.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan atas sokongan dan bantuan yang diberikan bagi penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Amani Nawi, & Umi Hamidaton. (Eds.). (2020). *Proceedings of the Islam And Science International Seminar (SAIS 2020)*.
- Apidah Amin. (2022). Hubungan persekitaran pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar tingkatan enam. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 23-35. <https://10.51200/jpp.v11i1.4278>
- Auni Aisha Mohd Nawi, & Habibah Ahmad. (2018). Kepuasan dan Pengalaman Pelajar terhadap Edupelancongan Kampus. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1-16.
- Berita Harian. (2021, September 27). Cara tradisional mengajar perlu dilengkapi dengan kaedah lebih interaktif. *Berita Harian*.
- Budi Taqwan, & Saleh Haji. (2019). Pengaruh Pembelajaran Luar Kelas (Outdoor Learning) Terhadap Kemampuan Pemecahan Masalah Siswa Kelas VII SMP Negeri 05 Seluma. *Jurnal Pendidikan Matematika Raflesia*, 4(1), 10–18. <https://10.33369/jpmr.v4i1.7524>
- Cornelia, M., Johan, C.H.N. & Cornelius, S.S. (2022). Research Contract Relationship Between A Large Industry Partner and South African Universities. *South African Journal of Science*, 118, 3-4. <https://10.17159/sajs.2022/11701>
- Derar, S. (2020). Transitioning from Face-to-Face to Remote Learning: Students' Attitudes and Perceptions of using Zoom during COVID-19 Pandemic. *International Journal of Technology in Education and Science*, 4(4), 335-342. <https://10.46328/ijtes.v4i4.148>
- Djailan, M. (2022). Meningkatkan kemampuan berbahasa anak melalui metode karyawisata di TK Balitka Manado. *Jurnal Pendidikan Mandala*, 7(4), 792-807.
- Edlira, M. & Ermiona, B. (2020). Field Trip as A Valuable Learning Experience for Students. *VJETARI SHKENCOR NR.*, 4, 221-227.
- Faridah Che Husain, Faezah Kassim, Noor Ain Mat Noor, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Mohd Syarifudin Abdullah. (2018). Pelaksanaan dan Persepsi Pelajar Terhadap Strategi Pembelajaran dan Kemahiran Insaniah dalam Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Malaya. *Jurnal Sains Insani*, 3(2), 75-82.
- Georgina, N. S.M., Like, R.L. & Desalu, D. (2018). Effects of Lack of Field Trips on Learner's Performance in Social Studies at Primary School. *International Journal of Education*, 10(2), 60. <https://10.5296/ije.v10i2.13325>
- Gerelt-Old Lkhagvasuren. (2019). UIG Collaboration in Mongolia: Commercialization of Intellectual Property. ResearchGate. <https://10.13140/RG.2.2.22306.58569>
- Hamidah Yusof, Lechumy Vyapuri, Norasibah Abdul Jalil, Mahaliza Mansor, & Mohd Asri Mohd Noor. (2017). The Factors Affecting Teacher Leadership in Malaysian Primary Schools. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(7 6), 620-631.
- Hazwani Hasami, & Nor Aishah Buang. (2018). Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) terhadap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Pelajar Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1(SI)), 89-106 <https://10.6007/IJARBS/v7-i6/3025>
<https://www.beritaharian.sg/cara-tradisional-mengajar-perlu-dilengkapi-dengan-kaedah-lebih-interaktif>
- kuasai-kemahiran-insaniah
- Maharam Mamat, Dayana Daima, Rahani Mohd Musa, Nur Athirah Irham, Wong Kok Mun, Yong Voon Yau. (2019). Kebolehpkerjaan Graduan Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, Selangor. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 46-63.

- Maria Mohd Ismail. (2024, Februari 21). Graduan dituntut kuasai kemahiran insaniah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2024/02/1215100/graduan-dituntut->
- Mohd Ghadafi Shari, Noor Farris Aqmal Kamarunzaman, Nur Asikin Aziz @ Abd Aziz. (2021). *Proceedings of the 3rd National Conference in Sports & Co-Curriculum @PMJB (NASCO) 2021*.
- Mohd Saifudin Mat Piah, Zolkepli Haron. (2018). *Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)*.
- Mohd Zainudin Jenal. (2018). *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*.
- Mousa Al-kfairy, Munir Majdalawieh, & Saed Alrabaee. (2022). *Proceedings of the European Conference on Knowledge Management*. <https://10.34190/ekm.23.2.435>
- Muzafar Mat Yusof, & Nur Hidayah Mohiddin. (2018). Refleksi Pelajar terhadap Keberkesanan Kursus Latihan Industri: Kajian Kes Pelajar Politeknik Muadzam Shah. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 46-54. <https://10.53840/attarbawiy.v2i2.77>
- Nadia Nisha Musa, Nur Atirah Hasmi, Sarina Muhamad Noor, Zulfadli Mahfodz, Hasnun Nita Ismail, & Nafisah Mohd Isa@Osman. (2018). The Effectiveness of Field Trip in Enhancing Students' Learning Outcome in Biodiversity Subjects. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(1). <https://10.6007/IJARBS/v8-i1/3960>
- Naksa Ahmad, Nurul Shida Noni, & Julaila Sapari. (2023). Impak Pendekatan Pembelajaran Flipped Classroom terhadap Tahap Motivasi. *Asian Pendidikan*, 3(1), 60-68. <https://doi.org/10.53797/aspn.v3i1.8.2023>
- Noor Lina Mohd Yusuf, Syed Lamsah Syed Chear, Melor Md Yunus, & Denise Koh. (2022). Pendekatan Main Peranan dalam Meningkatkan Kemahiran Komunikasi Pelajar Institut Pengajian Tinggi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47 (1(SI)), 89-100.
- Noraini Harun, Dulina Tholibon, Nursahizalina Mohd Saat. (2023). Pemupukan Kemahiran Kepimpinan melalui Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Pencapaian Pelajar Kursus Projek. *Technical and Vocational Education International Journal*, 3(1). <https://10.556442>
- Norsayyidatina Che Rozubi, Mohd Muzafar Shah Mohd Razali, Nurul Ain Mohd Daud, Pau Kee, Mohammad Adzif Omar, Husamuddin Hasbullah. (2023). Keberkesanan Program Pintar 2.0 dalam Kalangan Kanak-Kanak di Negeri-Negeri Berisiko di Malaysia. *Jurnal Antidada Malaysia*, 13(1), 100-109.
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Nur Azuki Yusuff. (2019). Kaedah Pembelajaran Sejarah Berasaskan Lawatan ke Muzium. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1), 45-57.
- Nurhazwani Saleh. (2023). Persepsi Pelajar terhadap Lawatan Akademik di Lapangan Industri dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran bagi Kursus Motor Control and Drives. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 3(2), 94-105.
- Nurulhidayah Ariff, & Norasykin Mohd Zaid. (2020). Pengaplikasian Pendekatan Pembelajaran Aktif di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Pendidikan Pra Siswazah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 3(2).
- Nurulhuda Abaidah Mustafa, Mohamed Faeiz Alwee, Raja Mohamad Fikri Raja Azman, Eliza Natasha Abdul Latiff, Nuraisyah Chua Abdullah, Suharmi Ismail. (2018). Program Pengantarabangsaan Kolej Melati, UiTM: Satu Tinjauan Awal.
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi. (2023, Jun 5). Program Industry on Campus inisiatif bawa pelajar rasai persekitaran sebenar industri. <https://www.mohe.gov.my/hebahan/sorotan-aktiviti/program-industry-on-campus-inisiatif-bawa-pelajar-rasai-persekitaran-sebenar-industri>
- Ranita Manap, Norziah Othman, Siti Nurashidah Roslan, Khairunnisa Ismail, Aimi Fadzirul Kamarubahrin. (2018). *Proceedings of the 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC)*.
- Rozelia Haizah Abd Razak, & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2022). Pembelajaran Secara dalam Talian: Tahap Kesiediaan dan Keberkesanan Pelaksanaannya kepada Pelajar. *LSP International Journal*, 9(1), 31-43. <https://doi.org/10.11113/lspi.v9.18174>
- Sabarudin, A., Lokman, N.H., Jantan, N.S., Zainuridin, N.A., Abdul Halim, A. & Khoiry, M.A. (2022). Tinjauan keberkesanan program keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

- terhadap kebolehpasaran graduan menurut perspektif alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 1-14. <https://10.47405/mjssh.v7i2.1272>
- Safwan Aqil Amri. (2022). Maklumat COVID-19 dan Persepsi Pengguna. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 56 (1), 107-121
- Siti Mahera Ahmat Amin & Hartini Adenan. (2021). Persepsi Staf KUiM terhadap Kebolehpasaran Graduan. *Jurnal 'Ulwan*, 6(2), 50-60.
- Syamhanim Ismail, & Mimi Mohaffyza Mohamad. (2017). Kerangka Konsep Penglibatan Politeknik dan Industri dalam Mengaplikasikan Pembelajaran Berasaskan Kerja. *Sains Humanika*, 9(1-5). <https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-5.1179>
- Syarifah Hanum Ali, & Cosward Jack. (2019). Kepuasan Majikan terhadap Graduan Politeknik Malaysia: Kajian di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. *Kementerian Pendidikan Malaysia, Politeknik Malaysia*.
- Talizaro, T. (2018). Peranan Media Pembelajaran dalam Meningkatkan Minat Belajar Mahasiswa. *Jurnal Komunikasi Pendidikan*, 2(2), 103–114. <https://doi.org/10.32585/jkp.v2i2.113>
- Thuraiya Mohd, Nor Azalina Yusnita Abd Rahman, Nur Hanim Ilias, Azran Mansor, Siti Fairuz Che Pin, Asma Senawi, Nur Afni Deraman. (2018). Penambahbaikan Permohonan Lawatan Akademik Secara Manual kepada Pembangunan Sistem e-Lawatan Akademik Versi 1. *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*, 1 (2). pp. 53-68.
- Vijaya Malani Verasamy, & Vishalache Balakrishnan. (2020). Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral Sekolah Menengah. *MIMBAR PENDIDIKAN* 5(2):131-142
- Yong, Shin Ee & Mohd Mahzan Awang. (2024). Tahap minat pembelajaran Sejarah dan literasi politik dalam kalangan murid sekolah rendah.
- Zuraidah Hassan, & Aimi Khairunnisa Abdul Karim. (2023). Metod Pendidikan Muzium (Melihat, Pandang dan Sentuh) Memberi Kesan yang Memberangsangkan kepada Pelajar dalam Proses Pembelajaran Sama Ada Pendidikan Formal dan Bukan Formal. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 20 (2), 348-356.

LAMPIRAN

Lampiran 1. Nilai Varians, Alpha Cronbach, Min Faktor dan KMO

Kepentingan Lawatan & Wacana terhadap Pengajaran dan Pembelajaran	Varians Dijelaskan	Alpha Cronbach	Min Faktor	KMO
Kesesuaian Lawatan dan Wacana terhadap pelajar	68.777	0.988	3.77	0.938
Tahap kefahaman pelajar	73.272	0.989	3.78	0.944
Tahap minat pelajar	73.742	0.976	3.79	0.946
Tahap kemahiran pelajar	73.642	0.979	3.79	0.929
Tahap komunikasi pelajar	74.274	0.965	3.8	0.942
Tahap motivasi pelajar	74.517	0.961	3.8	0.953
Tahap prestasi pelajar	76.443	0.966	3.79	0.933
Tahap kepimpinan pelajar	65.106	0.898	3.71	0.858
Tahap hubungan jaringan bersama industri	74.314	0.95	3.79	0.925

Tahap penyertaan dan penglibatan pelajar	78.399	0.943	3.79	0.886
Tahap kepuasan pelajar	81.686	0.924	3.8	0.85
Tahap galakan kepada pelajar	76.839	0.962	3.79	0.884
Tahap kepekaan pelajar	76.544	0.922	3.78	0.881
